

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 33**

**Jumaat**

**21 Oktober 2016**

---

**K A N D U N G A N**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2017

(Halaman 1)

**USUL:**

Usul Anggaran Pembangunan 2017

(Halaman 36)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KEEMPAT**  
**MESYUARAT KETIGA**  
**Jumaat, 21 Oktober 2016**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 4.00 petang**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2017**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

**4.00 ptg.**

**Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2017 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu" dibaca bagi kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, *Bismillahi Rahmani Rahim, Alhamdulillah Rabbil A'lamn Wabihi Nastai'n*. Segala puji dan puja serta kalimah tasbih dipanjatkan ke hadrat Allah Taala di atas limpah kurnianya yang menghimpunkan kita sekali lagi pada petang Jumaat, 21 Oktober 2016, bersamaan 20 Muharram 1438 Hijriah yang mulia ini, bagi maksud pembentangan sebuah lagi dokumen besar negara yakni Bajet 2017.

Demikianlah, tentunya kita memohon limpahan rahmat ke atas penghulu kami Nabi Muhammad, dengan selawat sesempurna anugerah. Wahai Tuhan Yang Maha Besar, sebaik-baik perancang, dipohon Taufik dan Hidayah serta nikmat bahagia yang berkekal-kekalan kepada hamba-hambaMu ini seluruh rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pada kesempatan ini, kita mengalu-alukan kembalinya sejumlah lebih 23,000 orang Jemaah Haji ke tanah air dengan selamatnya. Didoakan semoga semuanya telah memperoleh Haji yang mabrur. *Insyaa-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, saban tahun sejak kurang lebih enam dekad lalu, belanjawan-belanjawan atau bajet-bajet dipersembahkan. Jika kita mengimbas sejarah, bermula dengan belanjawan kali pertama pasca merdeka, di Parlimen pada

tahun 1959, yang hanya berbekalkan peruntukan sebanyak RM888 juta, hinggalah Bajet 2017 ini, berperuntukan sejumlah RM260.8 bilion. *[Tepuk]*

Dengan izin dan kehendak Allah yang Maha Berkuasa jua, Kerajaan Perikatan, bertali-temali kini, sebagai Kerajaan Barisan Nasional, telah berjaya mempertahankan dan memperkekalkan pertumbuhan KDNK, pada purata 6 peratus setahun, selama hampir 60 tahun berturut-turut. *[Dewan riuh] Alhamdulillah, Alhamdulillah.*

Tuan Yang di-Pertua, bajet kali ini dengan diperuntukkan RM260.8 bilion, merupakan peningkatan 3.4 peratus daripada pengubahsuaian Bajet 2016. Daripada jumlah ini, RM214.8 bilion adalah Perbelanjaan Mengurus dan RM46 bilion pula, untuk Perbelanjaan Pembangunan. Ini tidak termasuk simpanan luar jangka sebanyak RM2 bilion.

Di bawah Peruntukan Mengurus, RM77.4 bilion adalah untuk Emolumen, serta RM32 bilion untuk Perkhidmatan dan Bekalan. Manakala, RM103.9 bilion untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Pembelian Aset pula, diperuntukkan RM691 juta, dan RM816.6 juta lagi, untuk perbelanjaan lain.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peruntukan Pembangunan, sektor ekonomi menerima agihan tertinggi sebanyak RM25.9 bilion, diikuti oleh sektor sosial RM12.2 bilion. Sektor keselamatan RM5.3 bilion, dan sektor pentadbiran am lebih RM2.5 bilion. Oleh itu, berdasarkan prestasi semasa, hasil 2017 dijangka berkembang sekitar tiga peratus iaitu kepada RM219.7 bilion.

Selain itu, sasaran kerajaan untuk defisit fiskal tiga peratus daripada KDNK pada tahun 2017, mudah-mudahan dapat dicapai, berbanding, 3.1 peratus pada tahun ini. Jadinya, Tuan Yang di-Pertua, saya faham angka dan nombor-nombor yang disebut barangkali tidak mudah difahami ramai. Sebenarnya, apa yang hendak saya sampaikan adalah, kerajaan sentiasa komited untuk melaksanakan bajet yang terbaik melalui perbelanjaan berhemah, sekalipun kita berhadapan dengan ketidaktentuan ekonomi dunia.

Tuan Yang di-Pertua, maksud perbelanjaan berhemah oleh kerajaan di sini, kalau hendak dipercontohkan dalam sesebuah keluarga, seorang bapa atau ketua keluarga harus bijak dalam menguruskan kewangan untuk keperluan seisi rumah. Ertinya, jika dulu dapat dibelikan mainan yang agak mahal untuk anak-anak dalam keadaan sekarang, beli tetap beli juga tetapi yang bersesuaian dengan kadar kemampuan. Manakala, makan minum kalau sebelum ini boleh sedikit bermewah dan makan-makan di restoran mahal kini boleh bersederhana serta berjimat, barangkali di restoran-restoran berpatutan, namun tidak kurang enak makanannya.

Tambahan lagi, Malaysia dikenali sebagai 'Syurga Makanan'. Misalnya, dalam Amanat Merdeka baru-baru ini, saya telah memberi contoh makanan yang sedap dan harga pun boleh tahan, namun masih enak seperti Nasi Kandar *Vanggey* di Ipoh. *Vanggey* makna "mari-mari". Terkini pula, saya dapat tahu telah viral tentang 'Nasi Lemak Anak Dara'... [*Dewan ketawa*] ...di Shah Alam yang diusahakan oleh seorang graduan wanita muda dari universiti tempatan. Kesian, katanya dah kena saman pula.

Apa pun kerajaan kini harap... [*Dewan riuh*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Kalau boleh diam Ahli Yang Berhormat. Bukan kita sahaja yang mendengar bajet ini. Berpuluhan juta di luar sana yang mahu dengar. Sila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** ...Dan kita galakkan individu-individu terutamanya para graduan, yang ingin menjadi usahawan seperti ini didoakan agar terus berusaha dan berjaya. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada Bajet 2017 ini. Kita ingin mengambil ibarat dan teladan daripada kisah-kisah di zaman Nabi Allah Yusuf Alaihi Salam, bersempena Kitab Suci Al-Quran Surah 12, ayat 43 hingga 49, tentang perancangan tujuh tahun pertama dan persediaan, selanjutnya tujuh tahun cabaran mengekalkan keutuhan ekonomi negara. Beriktibar daripada peristiwa bersejarah itu, merujuk kepada situasi yang berlaku kepada ekonomi negara kita, pada tahun 2008, yakni tujuh tahun lalu, Malaysia tidak terlepas daripada dilanda kelembapan ekonomi global.

Justeru, selepas dilantik sebagai Menteri Kewangan, di bawah pimpinan mantan Perdana Menteri ketika itu, Tun Abdullah Ahmad Badawi, kami telah melancarkan Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama, berjumlah hampir RM7 bilion, bagi merangsang kembali pertumbuhan ekonomi negara. Sebenarnya pakej pertama itu, merupakan langkah interim sahaja. Kemudiannya, kira-kira sebulan sebelum saya dilantik menjadi Perdana Menteri pada Mac 2009, Pakej Rangsangan Kedua bernilai RM60 bilion telah digerakkan.

Ternyata, langkah proaktif ini berjaya memangkin ekonomi negara yang lembap pada masa tersebut. Hasilnya, ekonomi Malaysia kembali berkembang, dengan pertumbuhan KDNK mencecah 7.4 peratus pada tahun 2010.

Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah*, rentetan daripada inisiatif-inisiatif pakej-pakej stimulus tersebut, dan tujuh bajet yang telah dilaksanakan, ekonomi kita stabil dan kekal berada di landasan positif.

Tuan Yang di-Pertua, Sesungguhnya, keadaan ekonomi global atau *external economy* masa kini adalah tidak menentu dan berada di luar kawalan kita. Pertumbuhan perlahan ekonomi antarabangsa berpunca daripada kelembapan

kesemua kuasa besar ekonomi dunia secara serentak. Sebab itulah, pertumbuhan KDNK dunia menurun daripada 3.2 peratus pada 2015, ke paras 3.1 peratus yang diunjurkan bagi tahun 2016.

Kendatipun begitu, kita amat bersyukur, pertumbuhan ekonomi Malaysia masih kekal stabil dan *sustainable* bagi separuh pertama tahun ini. Jelasnya, ekonomi negara terus berkembang pada 4.1 peratus dan kini kita yakin sasaran pertumbuhan empat hingga 4.5 peratus bagi tahun 2016 dan empat hingga lima peratus pada 2017 akan tercapai, *Insyah-Allah*.

Sesungguhnya jua, *we are now on the right track* kerana berani membuat keputusan-keputusan yang tepat, sekalipun ia tidak popular. Saya hendak nyatakan di sini, bahawa *all those major and crucial decisions were deliberately done*. Bak kata pepatah Melayu, *menyediakan payung sebelum hujan* dengan mempasak dan memancang, *foundation* yang kukuh demi kedudukan jangka masa panjang kewangan dan ekonomi negara.

Tuan Yang Dipertua, segalanya ini dicapai berkat kegigihan dan perancangan kerajaan dengan menumpukan kepada beberapa dasar strategik, sejak tahun 2010.

Pertamanya, mempelbagaikan sumber hasil kerajaan, terutamanya mengurangkan kebergantungan hasil negara daripada sektor minyak dan gas sebanyak 41.3 peratus pada tahun 2009 kepada hanya 14.6 peratus pada tahun 2016. Hasil daripada mempelbagaikan ekonomi secara lebih meluas ini, pertumbuhan ekonomi negara dapat dipertahankan dan masih terpelihara, sungguhpun harga minyak telah merosot lebih daripada 50 peratus.

Keduanya, langkah berani kerajaan memperkenalkan GST untuk meluaskan...

**Beberapa Ahli:** Oh...

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** ...Sumber pendapatan kerajaan. Perlu kita sedar, hasil cukai langsung dari individu hanyalah terdiri daripada 2.1 juta pembayar sahaja, daripada 14.6 juta jumlah warga kerja negara. Tambahan pula, dengan kejatuhan harga minyak, dianggarkan kerajaan kehilangan pendapatan atau hasil kira-kira RM30 bilion setahun, daripada sumber cukai pendapatan, cukai korporat, royalti, dividen Petronas dan cukai petroleum. Sedarilah, dengan adanya GST, kerajaan berupaya menampung perbelanjaan di kala sumber yang lain berkurangan.

Tuan Yang Dipertua, sukacita saya melaporkan, melalui GST sebanyak hampir RM30 bilion telah berjaya dikutip setakat 19 Oktober 2016. *[Tepuk]* Apa yang pastinya, ingin saya tegaskan di sini, janganlah percaya gambar-gembur bahawa kadar GST

akan dinaikkan. *[Tepuk]* Itu cuma cakap-cakap kosong dan tidak benar sama sekali.  
*[Ketawa]*

Langkah ketiganya, Rasionalisasi Subsidi. Sebagai contoh jika hendak dibandingkan bagi minyak, pada tahun 1995, masa itu subsidi hanyalah RM123 juta. Jumlah ini hanya mewakili 0.24 peratus daripada bajet keseluruhan. Kemuncaknya, pada tahun 2012, mencecah jumlah subsidi RM24.8 bilion, atau 9.8 peratus daripada bajet keseluruhannya. Secara langsungnya, dasar subsidi pukal jelas membebankan kewangan negara dan menggalakkan ketirisan. Oleh sebab itu, kita telah ganti dengan subsidi bersasar atau pun *targeted subsidy* yang manfaatnya sampai kepada golongan yang benar-benar memerlukan bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, terbukti, melalui segala inisiatif yang diambil oleh pihak kerajaan ini, ekonomi kita berkembang secara mampan, dan kini, mengikut ukuran *Purchasing Power Parity*, Malaysia telah menjadi sebuah negara *upper middle income*, mengatasi banyak negara bukan sahaja di Asia, namun di seantero dunia. *[Tepuk]* Maknanya, menurut KDNK PPP per kapita rakyat Malaysia, telah meningkat daripada USD23,100 pada tahun 2012, kepada USD26,891 pada tahun 2015.

Tuan Yang di-Pertua, pada sudut lain, kerajaan sedar tentang desas-desus bahawa, para pelabur sekarang kononnya tidak lagi berkeyakinan dengan ekonomi Malaysia. Perlu difahami, ekonomi sesebuah negara sangat berkait rapat dengan persepsi, sebabnya, tanpa keyakinan mana mungkin datangnya pelaburan untuk ekonomi digerakkan *but, if our own people undermine and even sabotage our own economy*, ibaratnya merudumkan rumah dan tanah air kita sendiri. *[Tepuk]*

Justeru, perbuatan seperti ini oleh musuh-musuh luar apatah lagi dari dalam negara kita yang tidak bertanggungjawab seperti ini, mestilah dihentikan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kita sebagai Kerajaan Barisan Nasional, bak kata orang, sekalipun 1000 panah tersusuk di badan seandainya sejuta luka terbenam diserang, demi rakyat Malaysia yang tercinta dari Semenanjung hingga Sabah dan Sarawak... *[Dewan riuh]* ...kita akan terus mara menjulang Malaysia ke hadapan.  
*[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua, syukur *Alhamdulillah* fakta-fakta telah membuktikan hakikat sebenarnya. Misalnya, jumlah pelaburan asing yang telah diluluskan bagi separuh pertama tahun 2016, adalah lebih RM28 bilion. Ini merupakan peningkatan sebanyak 32 peratus berbanding tempoh sama tahun lepas. Ini tidak termasuk pelaburan domestik lebih RM60 bilion. Malah, semasa lawatan ke Jerman bulan lalu, pertemuan saya dengan komuniti perniagaan di sana, mereka menyatakan minat untuk terus kekal dengan pelaburan di sini, kerana yakin dengan dasar-dasar Kerajaan

Malaysia yang jelas. Contohnya, syarikat Osram telah mengumumkan pelaburan bernilai EUR1 bilion... [Tepuk] ...atau hampir RM5 bilion. Pelaburan untuk kilang LED di Kulim, Kedah ini adalah yang terbesar dan terkini di seluruh dunia. [Tepuk] *Insyallah*, minggu hadapan, saya akan ke China pula, doakanlah agar lawatan ini akan membawa kejayaan yang lumayan untuk negara kita. [Tepuk]

**Beberapa Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Terkini, menurut Kaushik Basu, *Chief Economist and Senior Vice President of the World Bank* dan saya memetik apa dia kata, "*As many nations suffer because of falling global commodity prices, Malaysia stands out for having transformed itself from a poor, commodity-exporting nation to a modern diversified economy.* [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, setiap kali bajet dibuat, ramai akan merujuk dan membahar kepada beberapa ayat penting dalam Al-Quran, antaranya Surah Al-Hasyr ayat 7 bahawa, '*Janganlah harta itu berlegar di kalangan orang-orang kaya di antara kamu sahaja*'. Saya telah merujuk kepada pandangan pakar dan alim ulama tentang perkara ini dan difahamkan bahawa tafsiran ayat ini perlulah dilihat dalam konteks yang lebih luas dan holistik. Memetik huraian Imam Al-Mawardi, sesuatu pemberian atau peruntukan seperti bajet ini, kepada masyarakat adalah bersifat subjektif dengan mengambil kira keperluan dan masalah semasa rakyat terbanyak.

Sesungguhnya, untuk menggubal sebuah bajet yang kompleks, bukanlah perkara enteng. Sebagai kerajaan yang merasa denyut nadi rakyat, sepanjang beberapa bulan yang lalu, Kerajaan juga telah menerima ribuan idea daripada rakyat pelbagai lapisan dan kategori.

Tuan Yang di-Pertua, bertapak dari itu, makanya Bajet 2017 digubal dengan berpegang kepada Lima Prinsip dan Falsafah Kerajaan:

- (i) kerajaan ini adalah kerajaan yang mengutamakan kesepaduan nasional dalam pembinaan negara bangsa. Kepelbagaian etnik dan kemajmukan sebagai aset teras kemajuan dan pembangunan negara semenjak dulu, kini dan selamanya;
- (ii) kerajaan ini adalah kerajaan yang mementingkan dan memelihara kedaulatan, keluhuran Perlembagaan dan undang-undang serta keselamatan negara;
- (iii) kerajaan ini, adalah kerajaan yang kohesif dan stabil serta bekerja sebagai satu pasukan yang jitu;
- (iv) kerajaan ini, adalah kerajaan yang gigih berusaha, dengan arah tuju yang jelas, perancangan yang sistematik dan pelan

pelaksanaan yang tersusun, efisien lagi holistik. *Indeed, this Government has delivered, we are still delivering and most importantly, we will continue to deliver;* dan

- (v) kalau dalam bernegara, kita berpegang kepada ideologi kebangsaan yakni prinsip-prinsip berdasarkan Rukun Negara. Maka dalam mentadbir Malaysia, kerajaan ini akan terus berpandukan kepada falsafah Islami yang universal sifatnya yakni Wasatiyyah, merangkumi kesederhanaan, keseimbangan, keadilan sosial, kesaksamaan dan kecemerlangan.

Ini bererti kita senantiasa berusaha bersungguh-sungguh untuk memperoleh yang terbaik bukan sederhana, *complacent* atau berpuas hati dengan pencapaian ala kadar sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia yang dikasihi sekalian, dalam melalui suka duka episod memacu kejayaan negara, kita tidak lupa kepada tokoh-tokoh juga pemimpin-pemimpin yang menjadi sumber inspirasi dan teladan kepada semua. Lalunya, di kesempatan ini, kita menzahirkan ucapan takziah kepada keluarga beberapa orang insan yang banyak berjasa kepada negara. Mereka yang akan saya sebutkan sememangnya bukan terdiri daripada Ahli Parlimen namun, sekadar berkongsi cerita dan rasa.

Pertamanya, Allahyarham Tan Sri Haji Abdul Aziz Tapa yang menumpahkan taat setia kepada perjuangan bangsanya dan partinya hingga ke hujung usianya, 93 tahun. *[Tepuk]* Kedua, kepada seorang lagi sahabat peribadi saya dan keluarga, yakni Allahyarham Tuan Guru Ustaz Datuk Dr. Haron Din. *[Tepuk]* Sesungguhnya, kita rakyat Malaysia telah kehilangan dua tokoh yang sangat dihormati. Jelas sekali, meskipun Allahyarham Tuan Guru berada di landasan politik berbeza, namun, kita tetap menyanjung tinggi perjuangan beliau untuk ummah, dan pihak kerajaan telah menganugerahkan gelaran Tokoh Khas Maal Hijrah 2016 kepadanya. *[Tepuk]* Tapi kita berasa sedih dan kecewa, kerana ada kalangan pihak pembangkang sendiri yang terang-terangan membenci dan menista beliau.

Tuan Yang di-Pertua, pernah semasa saya melawat beliau di hospital, secara peribadi tokoh ilmuwan Islam ini, ada menyebut kepada saya bahawa, *“Jika kita suka kepada seseorang itu berpada-padalalah, mana tahu kelak kita akan membencinya. Kalau kita benci kepada seseorang itu pula, berpada-pada jugalah, kerana mungkin orang yang dibenci itu kelak akan menjadi orang yang kita sayang’.* *[Tepuk]* *[Dewan riuh]*

Itulah dia jadinya, barangkali kerana itulah sampai ke mahkamah seorang mencari orang yang pernah dia benci. *[Dewan riuh]* Kepada kedua-duanya, yang telah dipanggil pulang ke ribaan Yang Maha Esa, kita sedekahkan ummul kitab Al-Fatihah.

*[Ahli-ahli Yang Berhormat beragama Islam membaca surah Al-Fatihah]*

Tuan Yang di-Pertua, kita kini berada diambang enam dekad kemerdekaan watan tercinta ini. Selama itulah penjawat awam yang kini jumlahnya mencecah 1.6 juta orang, menjadi tonggak pentadbiran dan jentera kemajuan negara. Sebagai menghargai khidmat bakti dan jasa mereka, sukacitanya saya mengumumkan:

- (i) kemudahan Cuti Belajar dengan gaji dibayar penuh bersama biasiswa yang sebelum ini hanya kepada Kumpulan Pengurusan dan Profesional, kini akan diberikan juga kepada Kumpulan Pelaksana;
- (ii) pemberian Cuti Kuarantin kepada penjawat awam yang anaknya sakit dan perlu di kuarantin menerusi cuti tanpa rekod sebanyak lima hari;
- (iii) kalau seperti sedia ada kemudahan pembiayaan diberikan kepada pembelian komputer, bajet kali ini memutuskan agar kemudahan ini diperluaskan meliputi pembelian *smartphone* dengan had pinjaman sehingga RM5,000 bagi setiap tiga tahun;
- (iv) tidak cukup dengan itu, kerajaan memutuskan bahawa had pinjaman pembelian motosikal akan dinaikkan daripada RM5,000 kepada RM10,000;
- (v) kerajaan tetap mengambil berat tentang perumahan penjawat awam, dan terus komited supaya mereka memiliki rumah sendiri. Maka dengan ini, sukacita kerajaan bersetuju menaikkan kelayakan pinjaman perumahan penjawat awam daripada serendah-rendahnya yang kini RM120,000 dinaikkan kepada RM200,000, manakala pinjaman paling tinggi sebelumnya RM600,000, kini dilonjakkan atau pun dinaikkan kepada RM750,000;
- (vi) sebanyak 30,000 unit lagi Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia akan disiapkan dengan harga jualan sekurang-kurangnya 20% di bawah harga pasaran, yakni berharga antara RM90,000 hingga ke RM300,000;
- (vii) kepada pegawai *contract of service* dan *contract for service* yang akan tamat pada penghujung tahun ini pula, usahlah bimbang,

kontrak tuan-tuan dan puan-puan akan kerajaan lanjutkan sekurang-kurangnya setahun lagi;

- (viii) bagi mengatasi masalah para doktor pakar yang mahu meninggalkan perkhidmatan awam atas isu kelewatan naik pangkat, kerajaan memandang serius, seraya kita umumkan satu lapisan gred baru, yakni gred 56 antara gred 54 dan JUSA C diwujudkan, bagi pegawai perubatan pakar dan pegawai pergigian pakar; dan
- (ix) kerana kekangan jawatan tetap, Kerajaan mengambil keputusan melantik secara kontrak kumpulan pertama graduan perubatan, pergigian dan farmasi selewat-lewatnya Disember 2016. Untuk makluman, hampir 2,600 doktor yang sebelum ini tidak dapat penempatan *housemanship* di mana-mana hospital, kini boleh menjalani *housemanship* secara kontrak. Harapnya, berita ini membawa khabar gembira kepada mereka dan keluarga. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, sebelum pembentangan diteruskan, saya ingin memperbetulkan beberapa tuduhan dan *misconceptions* yang dimomok oleh pihak tidak bertanggungjawab, sehingga mengelirukan dan menimbulkan keresahan tidak menentu di kalangan masyarakat tentang ekonomi Malaysia. Salah faham dan salah persepsi yang pertama, dikatakan kerajaan akan bankrap atau mufllis. Berkait perkara ini, saya ingin maklumkan bahawa, sesebuah kerajaan hanya dikategorikan sebagai bankrap atau mufllis, sekiranya kerajaan tersebut tidak mampu membayar tanggungan hutang-hutangnya.

Letak duduk ini, dinilai melalui penarafan oleh antaranya tiga buah agensi antarabangsa yang sangat berwibawa yakni, *Fitch*, *Moody's* dan *Standard & Poor's*. Institusi-institusi inilah Badan-badan Penarafan yang diterima pakai rating dan laporan keupayaan negara-negara dalam membayar balik hutang. Selesai perbandingan, menerusi agensi penarafan *Fitch*, terkini Malaysia diberi penarafan A- berbanding dengan Filipina BBB-, Thailand BBB+ dan Vietnam B-. Malah penarafan Malaysia, adalah sama dengan kelompok negara yang saiznya ekonominya lebih besar dan maju daripada negara kita, seperti Korea AA-, China A+, Taiwan A+, dan Jepun A. Maknanya di sini, istilah mufllis atau bankrap itu jauh sekali daripada kamus ekonomi Malaysia!

Tuan Yang di-Pertua, salah faham dan salah persepsi kedua, dikatakan bahawa Malaysia is a *Failed State*, atau Negara Yang Gagal. Ini pun fitnah semata-mata. Saya nak terangkan apa maknanya *Failed State*. Ia terjadi seandainya sesebuah

negara itu gagal melaksanakan sebahagian besar tanggungjawab dan fungsi asas kerajaan. Ini termasuklah kegagalan anggota polis dan askar mengawal keamanan dan keselamatan negara, kegagalan kerajaan untuk membayar gaji penjawat awam, kegagalan untuk membekalkan keperluan asas seperti air dan elektrik, kadar inflasi melambung tinggi atau *hyper inflation*, sehingga membawa kepada kehancuran ekonomi. Ternyata ciri-ciri tersebut tidak wujud di Malaysia! Dan dengan pertolongan Allah, kerajaan ini tidak sesekali akan membiarkan kita terjerumus ke kancah negara yang gagal.

Tuan Yang di-Pertua, bajet ini bukanlah digubal bagi kepentingan, atau berlegar kepada kumpulan rakyat tertentu sahaja. Namun direkayasa, bersifat inklusif demi kesejahteraan rakyat seluruhnya. Justeru, jika digambarkan melalui piramid, dalam negara kita, terdapat tiga kategori utama rakyat berdasarkan kepada julat pendapatan isi rumah yakni T20, M40 dan B40.

Bagi golongan rakyat M40 secara umumnya, adalah kelompok isi rumah yang berpendapatan sekitar RM3,900 hingga RM8,300. Golongan M40 termasuklah individu bujang, dan kebanyakannya merupakan suami isteri bekerja, berpendidikan dan berkemahiran tinggi. *Alhamdulillah*, golongan ini tidak mempunyai masalah memenuhi keperluan asas mereka. Namun,

menjadi hasrat Kerajaan untuk meningkatkan *disposable income* atau pendapatan boleh guna mereka. Ini merangkumi aspek-aspek kerjaya yang terjamin, peluang peningkatan pendapatan dari masa ke semasa, perumahan, keselamatan, pendidikan, kesihatan dan keseimbangan antara kesibukan kerja, berekreasi serta masa yang berkualiti bersama keluarga masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, untuk kefahaman ramai, B40 pula ialah golongan isi rumah berpendapatan 40% terendah, dengan pendapatan isi rumah sekitar RM3,900 ke bawah. Dari perspektif ekonomi makro, wujudnya golongan ini adalah lazim di mana-mana negara membangun. Menurut *Khazanah Research Institute*, kadar pertumbuhan pendapatan isi rumah B40 ini meningkat lebih pantas, jika dibandingkan dengan pertumbuhan pendapatan golongan M40 dan T20.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dan rakyat Malaysia yang dikasihi sekalian. Sekiranya dalam Bajet 2015 saya telah mentafsirkan *People Economy* dan *Capital Economy*, kali ini saya mahu menambah satu lagi konsep penting dalam kita menuju status negara maju yakni *public happiness*. Maksud saya, bajet ini bukan hanya tentang pendapatan semata-mata, tetapi ia berkait kualiti kesejahteraan hidup rakyat, seperti aman dari jenayah, menikmati alam sekitar yang bersih dengan pelbagai seni dan kebudayaan yang berwarna-warni.

Juga, pencapaian pendidikan yang tinggi, mengangkat keserjanaan dan keintelektualan, adanya khidmat kesihatan yang terjamin serta memiliki akses kepada pengangkutan awam yang efisien. Sehubungan dengan hal alam sekitar, kita perlu terus memelihara alam semula jadi terutama kawasan tadahan air dan memastikan bahawa kawasan-kawasan yang telah diisytiharkan sebagai hutan simpanan dan taman-taman nasional dijaga serta sentiasa dipertahankan agar tidak dicerobohi. Ini hanya akan menjadi kenyataan seandainya semua kerajaan negeri memberikan kerjasama sepenuhnya dengan gandingan sektor swasta dan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, demi kesejahteraan rakyat, kerajaan akan terus komited melaksanakan projek dan program *Rakyat Centric* di bandar dan luar bandar seperti berikut:

- (i) melalui maklumat dan sesi turun padang, terdapat kampung-kampung yang masih berada dalam keadaan suram malah gelap tanpa kelengkapan tiang-tiang lampu jalan. Makanya, menjadikan kampung di waktu malam lebih terang, bercahaya lagi selamat, sebanyak 97,000 lampu jalan dan 3,000 lampu LED di persimpangan jalan akan dipasang. Ini melibatkan 7,500 kampung di seluruh negara, termasuk Sabah dan Sarawak;
- (ii) membina dan menaik taraf 616 kilometer jalan kampung dan jambatan bagi meningkatkan jaringan perhubungan kampung, pekan dan bandar, dengan peruntukan RM1.2 bilion;
- (iii) bagi menyelenggara jalan negeri, RM4.6 bilion disediakan kepada semua negeri di bawah Sistem Maklumat Rekod-rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS);
- (iv) membina dan membaik pulih 17,000 unit rumah usang dan daif di kampung terpencil dan penempatan Orang Asli dengan peruntukan RM350 juta. Setiap unit rumah diberi bantuan baik pulih antara RM1,000 hingga RM15,000 bergantung kepada usangnya keadaan rumah tersebut;
- (v) meningkatkan penyediaan bekalan air bersih dengan peruntukan RM732 juta, menyasarkan 5,200 buah rumah, termasuk menaik taraf sistem bekalan air FELDA.

Terkini pula, terdapat pelbagai masalah bekalan air di beberapa negeri, antaranya kekurangan kapasiti bekalan, cuaca, kemarau, pencemaran sisa industri dan pembalakan serta kebocoran paip. Bagi menaik taraf kapasiti dan menjamin bekalan air, kerajaan memperuntukkan geran RM156 juta dan RM509 juta dalam

bentuk pinjaman. Sebagai tambahan, untuk mengatasi masalah bekalan air di seluruh negara, Tabung Bekalan Air akan diwujudkan dengan segera, berperuntukan RM500 juta.

- (vi) menyediakan bekalan elektrik luar bandar, menyasarkan 10,000 buah rumah dengan peruntukan RM460 juta; dan
- (vii) Kerajaan sentiasa mengambil berat kebajikan penduduk bandar khususnya yang tinggal di flat. Didapati rumah-rumah pangsa ini banyak berkeadaan luntur dan kusam kerana tidak dipulihara sebaiknya. Begitu juga keadaan lif-lif yang rosak dan bermasalah. Oleh itu Kerajaan menyediakan RM300 juta di bawah Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia untuk membaik pulih kemudahan kawasan flat dan 113 Program Perumahan Rakyat di kawasan bandar dan pinggir bandar.

Kerajaan juga akan melaksanakan Projek Mesra Rakyat dengan peruntukan RM800 juta. Antaranya, menaik taraf, membina surau, titi, parit, balai raya, pasar dan gerai perniagaan kecil. Keutamaan projek diberi kepada kontraktor kelas G1 dan G2 tempatan.

Selain itu, 69 projek Rancangan Tebatan Banjir akan diteruskan di seluruh negara dengan peruntukan RM495 juta ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengumumkan satu lagi inisiatif baharu Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau NBOS yakni, *MyBeautiful New Home*, khususnya kepada golongan B40, dengan peruntukan RM200 juta. Sebagai permulaan, 5,000 unit rumah akan dibina dengan harga RM40,000 hingga RM50,000 seunit. Menariknya, kerajaan akan membiayai RM20,000 dan bakinya dibayar secara ansuran oleh pemilik. Syaratnya, rumah ini akan dibina di tanah milik sendiri, tanah yang telah mendapat kebenaran tuan tanah dan tanah kurniaan kerajaan negeri. KPKT pula akan membina 9,850 unit rumah di bawah PPR dan menyediakan sebanyak RM134 juta bagi tahun 2017. Sementara itu, 11,250 unit rumah PPR sedang dalam pembinaan dan RM576 juta disediakan. Rumah ini dijual dengan harga antara RM35,000 sehingga RM42,000 walaupun kos pembinaannya menelan RM120,000 hingga RM160,000.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membantu meningkatkan peluang pendapatan rakyat terutamanya kelompok B40, RM275 juta diperuntukkan seperti berikut:

- (i) memperluaskan Program MySuria dengan peruntukan RM45 juta. Panel solar akan dipasang di lebih 1,600 rumah. Setiap peserta program akan menerima RM250 sebulan;

- (ii) memperluas program *Mobilepreneur* melalui GIATMARA dengan peruntukan RM30 juta, yang menyasarkan 3,000 peserta bermotosikal;
- (iii) melaksanakan program *Agropreneur* dengan peruntukan RM100 juta bagi melahirkan 3,000 usahawan tani muda yang terlibat di dalam pengeluaran hasil tani bernilai tinggi; dan,
- (iv) menggiatkan program eUsahawan dan eRezeki di bawah MDEC, merangkumi 300,000 peserta dengan peruntukan RM100 juta.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meringankan kos sara hidup rakyat, kerajaan menyediakan peruntukan subsidi hampir RM10 bilion, merangkumi subsidi bahan api termasuk gas memasak, pampasan tol dan pengangkutan awam.

Untuk membantu golongan pesawah padi pula, kerajaan memperuntukkan RM1.3 bilion untuk subsidi harga padi, benih padi dan baja padi, termasuk padi bukit.

Sebagai insentif kepada pekebun kecil getah yang berdaftar, kerajaan memperuntukkan RM250 juta untuk pelaksanaan pembelian 'harga lantai'.

Sebagai langkah tambahan, bajet ini juga saya ingin mengumumkan bahawa kerajaan akan memperkenalkan Bantuan Musim Tengkujuh sebanyak RM200 sebulan bagi tiga bulan... *[Tepuk]* ...yakni pada November, Disember dan Januari yang akan memberi manfaat 440,000 pekebun kecil dan penoreh getah. *[Tepuk]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** RM200 sebulan boleh beli apa.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Selanjutnya, bagi meringankan beban sara hidup 57,000 nelayan, pemberian elaun RM200 hingga RM300 sebulan akan diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Bantuan Rakyat 1Malaysia atau BR1M diperkenalkan, setiap tahun tanpa gagal, program ini terus mendapat sambutan dan maklum balas yang sangat positif daripada penerima. Pada satu program yang saya hadiri, seorang penerima BR1M daripada keturunan India, telah datang dan menggenggam erat tangan saya sambil berkata, dalam bahasa pelatnya, "*Saya tarak kisah apa orang mahu cakap pasal kerajaan, yang penting Dato' Najib, BR1M banyak bantu saya dan keluarga*". *[Tepuk]* *[Dewan riuh]* Boleh tanya Presiden MIC.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Jadinya, Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia sekalian, kata orang, jadinya,

*Dedak bukan, umpan pun bukan,*

*BR1M yang ikhlas satu pemberian,*

*Keperluan rakyat kita dahulukan,*

*Jumlah BR1M, kita tambah-tambahkan. [Tepuk]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Lagi ramai yang miskin.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Sehubungan itu, untuk tahun hadapan, kadar BR1M dinaikkan seperti berikut:

- (i) BR1M kepada isi rumah dalam senarai e-Kasih dan berpendapatan bulanan di bawah RM3,000 akan dinaikkan daripada RM1,050 dan RM1,000 kepada RM1,200; [Tepuk]
- (ii) BR1M kepada isi rumah berpendapatan RM3,000 hingga RM4,000 akan dinaikkan daripada RM800 kepada RM900; dan,
- (iii) bagi individu bujang berpendapatan di bawah RM2,000, BR1M akan dinaikkan daripada RM400 kepada RM450.

Tidak sekadar itu, Skim Khairat Kematian akan diteruskan dengan pampasan RM1,000 kepada waris penerima BR1M bagi kategori isi rumah dan warga emas. Keseluruhan Program BR1M ini akan memanfaatkan 7 juta penerima dengan peruntukan sebanyak RM6.8 bilion. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, bagi menghasilkan tenaga kerja tempatan yang memenuhi keperluan industri, kapasiti pendidikan TVET akan diperkasakan dengan peruntukan RM4.6 bilion kepada institusi-institusi TVET. Menerusi NBOS, untuk mengoptimumkan aset-aset kerajaan, maka sembilan buah kampus Institut Pendidikan Guru akan diubahsuai untuk menjadi politeknik dan kolej vokasional. Akhirnya, empat buah akan menjadi politeknik, empat lagi kolej vokasional, dan sebuah lagi sebagai pusat latihan jurulatih TVET. Di atas inisiatif kreatif ini, hanya kira-kira RM400 juta diperuntukkan, berbanding RM250 juta untuk membina hanya sebuah politeknik yang baharu. Ini menjimatkan wang kerajaan kira-kira RM2 bilion.

Selanjutnya, RM270 juta disediakan untuk naik taraf peralatan pembelajaran di institusi TVET serta RM360 juta bagi Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran. Berhubung ini, potongan cukai sebanyak dua kali diberikan ke atas perbelanjaan syarikat swasta yang menyediakan *Structured Internship Programme* bagi pelajar di peringkat ijazah sarjana muda, diploma dan pelajar Tahap 3 dan ke atas di bawah program TVET. Insentif ini dilanjutkan untuk tempoh tiga tahun mulai tahun taksiran 2017 hingga tahun taksiran 2019. Selain itu geran padanan latihan dan pembangunan kurikulum akan diberi kepada institusi TVET awam yang berjaya mendapatkan sumbangan dalam bentuk peralatan daripada industri.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan, RM50 juta disediakan untuk perluasan Program Skim Latihan 1Malaysia oleh GLC kepada 20,000 graduan bagi tahun 2017 berbanding 15,000 graduan pada tahun 2016.

Tuan Yang di-Pertua, rumah tempat berteduh adalah soal yang amat dekat di hati saya. Mahu tidak mahu kerajaan terus komited dalam ehwal perumahan rakyat di mana setiap keluarga mampu memiliki kediaman sendiri. Untuk meningkatkan keupayaan pembeli rumah pertama, konsep berikut akan diperkenalkan:

- (i) melalui NBOS lagi, kita akan menyediakan tanah kerajaan yang tidak diguna pakai di lokasi strategik kepada GLC dan PR1MA untuk membina lebih 30,000 unit rumah membolehkan harga jualan antara RM150,000 hingga RM300,000. Harga ini jauh lebih rendah dari pasaran iaitu RM250,000 hingga RM400,000;
- (ii) membina 10,000 unit rumah di bandar untuk disewa oleh golongan muda yang layak dengan pekerjaan yang tetap termasuk graduan muda yang baru memasuki alam pekerjaan. Mereka boleh menyewa dengan tempoh maksimum lima tahun pada kadar yang lebih rendah daripada kadar pasaran sementara mereka membina kemampuan kewangan untuk membeli rumah sendiri; dan
- (iii) Syarikat Perumahan Negara Berhad diperuntukkan RM200 juta untuk membina lebih 5,000 unit Rumah Mesra Rakyat dengan subsidi kerajaan sehingga RM20,000 seunit.

Tuan Yang di-Pertua, PR1MA telah mendapat sambutan yang amat memberangsangkan. Setakat ini lebih 12,000 unit kediaman berjumlah RM3.3 bilion telah ditempah. Manakala 85,000 lagi dalam pelbagai peringkat kelulusan. Di kesempatan ini, saya ingin mengumumkan satu skim pembayaran akhir atau *end-financing* khas jenis *step-up* untuk program PR1MA. Melalui skim khas ini, pembiayaan lebih mudah dan *accessible* kepada pembeli dengan jumlah pinjaman mencecah 90 peratus hingga 100 peratus dan kadar penolakan pinjaman akan berkurangan secara drastik. Proses permohonan bagi skim ini akan mula dilaksanakan pada 1 Januari 2017. Skim ini merupakan hasil kerjasama di antara pihak kerajaan, Bank Negara Malaysia, KWSP dan juga empat bank tempatan iaitu Maybank, CIMB, RHB dan AmBank.

Contohnya permohonan yang berpendapatan RM3,000 sebulan, hanya layak mendapat pinjaman lebih RM187,000. Melalui skim pembiayaan khas ini, pemohon boleh mendapatkan pinjaman sehingga lebih RM295,000. Di samping itu diumumkan pengecualian duti setem dinaikkan kepada 100 peratus ke atas surat cara pindah milik dan surat cara pinjaman perumahan. Ini membantu mengurangkan kos pemilikan

rumah pertama berbanding 50 peratus pada masa ini. Walau bagaimanapun layanan pengecualian ini terhad kepada nilai rumah sehingga RM300,000 bagi pembelian kediaman pertama sahaja antara tempoh 1 Januari 2017 sehingga Disember 2018.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pembangunan infrastruktur bagi Rumah Generasi Kedua, FELDA, FELCRA dan RISDA masing-masing diperuntukkan RM200 juta, RM100 juta dan RM100 juta lagi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berita gembira untuk pembayar cukai. Jika kini terdapat 21 kategori pelepasan cukai individu, terbaru, untuk pembelian bahan bacaan, komputer dan peralatan sukan digabungkan sebagai pelepasan cukai gaya hidup. Ini diperluaskan meliputi pembelian akhbar-akhbar arus perdana, *smartphone* dan tablet, langganan internet serta bayaran keahlian gimnasium. Pelepasan ini diberi sehingga RM2,500 setiap tahun berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2017.

Tuan Yang di-Pertua, NBOS telah menjimatkan RM3.5 bilion perbelanjaan negara. Oleh kerana sambutan hebat daripada rakyat, empat lagi UTC di Negeri Sembilan, Perlis, Pulau Pinang dan Selangor dan tiga lagi RTC di Selangor, Sabah dan Sarawak akan dibina dengan peruntukan RM100 juta. Sebagai langkah baru, setiap UTC akan disediakan sebuah *job centre* untuk membantu memadankan antara pencari kerja dan bakal majikan.

Di sini saya ingin bertanya mana ada kerajaan dalam dunia yang menyediakan pusat khidmat sehenti beroperasi tujuh hari seminggu, bermula 8.00 pagi hingga 10.00 malam. Mana ada, melainkan Kerajaan Barisan Nasional. [*Dewan riuh*] Selain itu, inisiatif NBOS yang lain seperti program Bahasa Inggeris 1Malaysia, *Coding* di sekolah, *Volunteering for International Professional* dan *Global Entrepreneurship Community 2* diperuntukkan RM40 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Tatkala kerajaan melaksanakan pelbagai program *Rakyat Centric*, kerajaan terus komited memampankan fiskal negara jangka panjang dengan antara lain menubuhkan *Collection Intelligence Arrangement* atau CIA di bawah Kementerian Kewangan. Ini melibatkan LHDN, Kastam dan SSM yang akan berkongsi data bagi menambah kecekapan mengutip cukai dan *tax compliance*.

Selain itu, kadar duti setem ke atas surat cara pindah milik hartanah bernilai melebihi RM1 juta, akan dinaikkan daripada tiga kepada empat peratus mulai 1 Januari 2018. Juga, projek *rakyat-centric* akan diteruskan melalui Inisiatif Pembiayaan Swasta berjumlah RM10 bilion.

Tuan Yang Dipertua, Profesor HAMKA ada menyebut, jiwa yang bersih tumbuh daripada jasmani yang bersih dan sihat, manakala kesempurnaan jati diri membentuk budi, iaitu ilmu mengatur kesihatan, yakni riadah, ataupun bersukan. Namun bersih di

sini, bukan bererti menyertai Perhimpunan Bersih. *[Dewan ketawa]* Berbicara lagi hal sukan, kita amat bangga atas pencapaian kontinjen Olimpik dan Paralimpik. *[Tepuk]* Pertama kali Negaraku dikumandangkan di Rio de Janeiro.

*Alhamdulillah*, kontinjen negara telah menamatkan persaingan di Sukan Olimpik 2016 dengan pungutan empat pingat perak dan satu pingat gangsa. *[Tepuk]* Kita ucapkan syabas dan tahniah setinggi-tingginya kepada jaguh-jaguh sukan Olimpik negara.

Bagi pembangunan sukan negara, sebanyak RM1.2 bilion disediakan. Ini meliputi RM450 juta, untuk penganjuran Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN ke-9 pada tahun 2017. Selain itu, beberapa program pembangunan sukan akan dilaksanakan:

- (i) RM50 juta bagi pembinaan Akademi Bola Sepak Fasa II di Gambang, Pahang,
- (ii) RM122 juta bagi membina dan menaik taraf fasiliti sukan termasuk Kompleks Belia dan Sukan Negeri-negeri, Kompleks Futsal 1Malaysia dan Kompleks Sukan Komuniti;
- (iii) RM70 juta bagi Program Pembangunan Podium Sukan Elit untuk penyediaan atlet ke temasya sukan antarabangsa; dan
- (iv) RM54 juta bagi Program Pembangunan Ahli Sukan termasuk Program Penyediaan Atlet dan Program Penyediaan Atlet Paralimpik.

Tuan Yang Dipertua, kesihatan adalah segalanya. Lantaran itu, usaha bersepadu terus dilaksanakan bagi meningkatkan tahap kesihatan rakyat dan kualiti penjagaan kesihatan di negara kita. Jadinya, RM25 bilion disediakan bagi program:

- (i) membina dan menaik taraf hospital-hospital baharu serta klinik kesihatan di Perlis, Kuching, Mukah, Jempol, Muar dan Johor Baharu;
- (ii) menaik taraf kemudahan hospital dengan peruntukan RM536 juta. Ini termasuk penyediaan peralatan rawatan kardiologi di Hospital Serdang, Hospital Pulau Pinang dan Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru, serta pembelian 100 buah ambulan;
- (iii) RM4.5 bilion untuk operasi 340 Klinik 1Malaysia, 11 Klinik Bergerak 1Malaysia, 959 Klinik Kesihatan, dan lebih 1,800 Klinik Desa sedia ada; dan
- (iv) RM4 bilion untuk bekalan ubat, *consumables*, vaksin dan re-agen kepada semua hospital dan fasiliti kesihatan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk ehwal kesihatan, saya ingin memperkenalkan Dr. Mohd Lutfi Fadil Lokman. Beliau adalah anak muda contoh yang telah diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, melalui *Hospital Beyond Boundaries Project* yang dimulakannya di Kemboja. Sekalung tahniah dan tepukan kepada Dr. Lutfi yang saya anggap ikon golongan belia di bidang kesihatan. *[Tepuk]*

Tuan Yang Dipertua, selanjutnya, bagi mengurangkan kesesakan di hospital awam, kerajaan akan bekerjasama dengan pihak swasta atau NGO, yang mengendalikan *non-profit charitable* hospital, mengikut kadar kos hospital kerajaan. Pinjaman RM20 juta disediakan untuk membiayai pembelian peralatan hospital tersebut.

Seterusnya, RM110 juta diperuntukkan, di mana RM70 juta untuk bantuan perubatan kepada 10,000 orang pesakit kurang berkemampuan. Sebagai menggalakkan lebih banyak pusat hemodialisis swasta dibuka, RM40 juta diperuntukkan sebagai geran *one-off* RM200,000 untuk pembelian peralatan.

Tuan Yang Dipertua, kerajaan sememangnya memandang serius penularan wabak denggi dan virus Zika serta akan melaksanakan inisiatif pencegahan dan kawalan ke atasnya. Selain itu, Program Komuniti Sihat Perkasa Negara akan diperluaskan. Kesemua ini melibatkan peruntukan RM80 juta.

Tuan Yang Dipertua, di sudut lain, kerajaan mengambil berat keluhan rakyat tentang kenaikan harga makanan, serta jaminan bekalan makanan. Justeru, RM1.3 bilion disediakan untuk meningkatkan pengeluaran bahan makanan dengan harga yang kompetitif. Ia termasuk membangunkan infrastruktur pertanian seperti saluran dan pengairan, jalan ladang dan pemasaran produk pertanian. Program berimpak tinggi juga akan diteruskan termasuklah estet padi, zon bersepadu akuakultur dan penternakan ikan sangkar.

Seterusnya, program Pengedaran Barang Perlu, pembukaan empat lagi MyFarmOutlet dan penambahbaikan 150 premis Agrobazaar Rakyat 1Malaysia dengan peruntukan RM140 juta. Selain itu, kerajaan juga akan menggalakkan pembangunan industri tenusu serta pengeluaran madu kelulut dan kelapa, di samping mengurangkan kebergantungan import makanan haiwan ternakan menerusi pembangunan industri tanaman jagung bijirin, sebagai projek perintis di Terengganu dan di Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kerajaan prihatin terhadap keluhan dan permintaan para pemandu teksi. Bersama kita pada petang ini, dua orang wakil pemandu teksi yang menghargai usaha kerajaan selama ini dalam membela nasib mereka. Terima kasih diucapkan dan tepukan kepada Encik Mohd Rais Hasan dan

Encik Tan Woon Kong kerana sudi hadir ke pembentangan bajet petang ini. [*Tepuk*] Sukacita Tuan Yang di-Pertua, saya umumkan geran RM5,000 untuk membeli kenderaan baharu dan menawarkan permit teksi individu dengan peruntukan sebanyak RM60 juta. Ini akan memanfaatkan seramai 12,000 orang pemandu teksi yang layak dan telah tamat kontrak pajak dengan syarikat teksi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini sebahagian besar pemandu teksi tidak dilindungi oleh insurans. Atas keprihatinan kerajaan, Skim PERKESO kepada pemandu teksi individu yang berpendapatan sehingga RM3,000 sebulan akan diperkenalkan dengan geran pelancaran RM60 juta. Di bawah skim ini, pemandu teksi perlu membuat caruman pada kadar RM157 hingga RM443 setahun, yakni hanya RM13.08 sebulan sahaja. Sekiranya berlaku kemalangan sewaktu bekerja, mereka layak membuat tuntutan daripada PERKESO. Contohnya, pemandu teksi yang hilang upaya kekal akan menerima bayaran pukal berjumlah RM43,000 hingga RM121,000 dan bayaran bulanan antara RM1,281 hingga RM2,624 sepanjang hayat. Sekiranya pemandu tersebut meninggal dunia, warisnya akan mendapat Faedah Orang Tanggungan pada kadar RM945 hingga RM2,655 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membantu B40 khususnya penerima BR1M menjana pendapatan tambahan, kerajaan menggalakkan penyertaan mereka sebagai pemandu *ride-sharing* seperti pemandu UBER terutama bagi pemilik kenderaan sendiri. Pendapatan boleh mencecah RM1,500 sebulan sekiranya memandu separuh masa antara 10 jam hingga 40 jam seminggu dan RM4,300 sekiranya melebihi 40 jam seminggu. Bagi mereka yang tidak memiliki kenderaan, bayaran pendahuluan boleh dibuat menggunakan BR1M dan rebat sebanyak RM4,000 bagi pembelian kereta Proton Iriz.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga akan menaik taraf sistem perparitan dan pembinaan dua *Overhead Motorcycle Ramp* di lorong motosikal Lebuhraya Persekutuan atau *Federal Highway* bagi mengatasi masalah banjir di laluan motosikal serta menjamin keselamatan penunggang motosikal. Untuk ini, RM29 juta diperuntukkan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah *capital economy* kerajaan akan tetap melaksanakan projek ataupun strategi pro-perniagaan atau *business friendly*. Selaras perkembangan pelaburan swasta yang dijangka pada 8.1 peratus kepada RM230 bilion pada tahun 2017, lebih banyak inisiatif akan dijalankan. Bagi merangsang pelaburan swasta, projek-projek infrastruktur akan dilaksanakan seperti menaik taraf Jalan Lok Kawi – Pengalat – Papar di Sabah; Jalan Kampung Keruak – Gua Musang –

Kuala Berang; membina Jambatan Batang Lupar, Sri Aman dan Projek Pembangunan Semula Stesen Janakuasa Sandakan.

Selain itu, pembangunan infrastruktur dan sosioekonomi di lima buah koridor iaitu Wilayah Iskandar Malaysia, Wilayah Ekonomi Koridor Utara, Wilayah Ekonomi Pantai Timur, Koridor Pembangunan Sabah dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak, diperuntukkan keseluruhan RM2.1 bilion. MIDA pula disediakan dana RM522 juta untuk sektor tumpuan termasuk industri kimia, elektrik dan elektronik serta aktiviti R&D.

Tuan Yang di-Pertua untuk mempergiatkan pasaran modal tempatan, *Small and Mid-Cap PLC Research Scheme* akan diperkenalkan bagi penyelidikan ke atas 300 buah syarikat. Syarikat pelaburan berkaitan kerajaan akan diperuntukkan dana khas sehingga RM3 bilion kepada pengurus dana yang dilesenkan oleh Suruhanjaya Sekuriti untuk dilaburkan ke syarikat *small* dan *mid-cap* yang berpotensi. Di samping itu, Institut Penyelidikan Pasaran Modal akan ditubuhkan dengan pembiayaan awal sebanyak RM75 juta melalui *Capital Market Development Fund*.

Pada sudut lain, dalam mengekalkan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa, tempoh pengecualian cukai pendapatan kepada entiti Perbankan Islam dan Takaful menjalankan aktiviti mata wang asing, melalui *International Currency Business Unit* dan pengecualian duti setem ke atas surat cara bagi aktiviti tersebut akan dilanjutkan ke tahun taksiran 2020.

Untuk menggalakkan golongan muda untuk membuat pelaburan jangka panjang, kerajaan telah memperkenalkan Skim Persaraan Swasta atau PRS. Bermula tahun 2017, kerajaan mencadangkan insentif sedia ada RM500 ditingkatkan kepada RM1,000 secara *one-off* kepada pencarum skim PRS dengan pelaburan minimum terkumpul RM1,000 dalam tempoh dua tahun. Peruntukan RM165 juta akan disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi program galakan eksport kepada PKS tempatan oleh MATRADE, MIDA dan SME Corp, RM130 juta disediakan di bawah Tabung Promosi Eksport Negara. Di samping itu, pembiayaan sebanyak RM200 juta dan kemudahan kredit insurans dengan nilai perlindungan sehingga RM1 bilion akan disediakan oleh EXIM Bank kepada PKS.

Sebanyak RM286 juta juga disediakan untuk pengeluaran eksport perladangan sawit, getah, koko dan lada. Sebanyak RM50 juta diperuntukkan untuk kajian saintifik bagi meningkatkan kualiti produk sawit. Sebagai tambahan, geran RM30 juta disediakan melalui MPOB untuk penanaman semula kelapa sawit oleh pekebun kecil.

Selain itu, RM20 juta juga disediakan bagi menaik taraf jalan ladang untuk kemudahan pekebun kecil komoditi.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk sektor pelancongan pula, ia telah menyumbang kepada penjana pendapatan negara. Kerajaan akan terus memberi tumpuan ke atas promosi dan penambahbaikan kemudahan pelancongan. Sehubungan itu;

- (i) RM400 juta diperuntukkan antaranya untuk inisiatif *clean air* dan *ecotourism*;
- (ii) tempoh permohonan Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan bagi pelaburan hotel baharu bertaraf 4 bintang dan 5 bintang, dilanjutkan sehingga 31 Disember 2018; dan
- (iii) potongan cukai daripada RM500,000 dinaikkan kepada RM700,000 untuk sektor swasta yang menaja pertunjukan kesenian, kebudayaan, warisan tempatan dan luar negara.

Selain itu, program mempromosi Malaysia melalui Kempen Tahun Melawat ASEAN@50 sempena ulang tahun penubuhan ASEAN ke-50 dan sebagai tuan rumah bagi Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN 2017 akan dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mencapai sasaran 32 juta pelancong pada tahun hadapan, kerajaan akan meluaskan eVisa ke negara di rantau Balkan dan Asia Selatan. *Digital connectivity* merupakan revolusi aktiviti ekonomi masa kini dan menyumbang hampir 16% daripada KDNK negara. Sehubungan ini, RM162 juta diperuntukkan kepada MDEC bagi pelbagai program seperti ekosistem e-dagang, *Digital Maker Movement* serta pengenalan kategori lokasi baharu sebagai Hab Digital Malaysia. Kerajaan juga berhasrat untuk menubuhkan *Digital Free Zone* yang pertama di dunia. Ini menggabungkan zon fizikal dan maya dengan penambahan perkhidmatan *online* dan digital bagi memudahkan e-dagang antarabangsa dan merangsang inovasi berteraskan internet.

Tuan Yang di-Pertua, pada petang yang mulia ini saya ingin membawa perkhabaran gembira khususnya buat anak-anak muda kita berhubung *online connectivity*. Sebagai sebuah negara demokrasi yang bersikap terbuka, kerajaan berhasrat supaya saluran maklumat *online* diperkasakan. Sukacita diumumkan bermula Januari 2017, penyedia perkhidmatan *fixed line broadband* bersetuju menawarkan perkhidmatan dengan kelajuan yang lebih tinggi pada harga yang sama. Sebagai contoh, pelanggan pakej 5 megabait sesaat pada harga RM149 akan menikmati pakej berkelajuan dua kali ganda iaitu 10 megabait sesaat.

Seterusnya dalam tempoh dua tahun lagi bagi pakej ini, kelajuan akan ditingkatkan dua kali ganda dengan penurunan harga sehingga 50% atau pun Tuan

Yang di-Pertua, *double the speed at half the price. [Tepuk]* Selain itu, kerajaan akan melancarkan inisiatif supaya perkhidmatan jalur lebar internet di universiti awam ditingkatkan kepada maksimum 100 gigabait sesaat. Dalam pada itu, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia akan menyediakan RM1 bilion supaya liputan dan kualiti jalur lebar di seluruh negara mencapai 20 megabait sesaat.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun hadapan kerajaan telah mengisytiharkan 2017 sebagai tahun *Startup & SME Promotion Year*, sesuai dengan peranan PKS yang menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi dan pasaran buruh negara. Bagi menggalakkan pembangunan PKS, kerajaan bersetuju menyediakan RM75 juta untuk program di bawah Pelan Induk PKS.

Selain itu, jaminan sehingga RM15 bilion yang diberikan melalui pelbagai skim di bawah Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan atau SJPP akan dipanjangkan tempohnya sehingga tahun 2025. Sebagai tambahan untuk melonjakkan PKS berorientasi eksport, 2 peratus rebat kadar faedah diberikan kepada peminjam PKS di bawah skim SJPP. Rebat ini dihadkan kepada jumlah pembiayaan terkumpul RM1 bilion dan melibatkan peruntukan RM100 juta untuk tempoh lima tahun.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mempergiatkan *startups* pula, sejumlah RM200 juta daripada dana Skim Jaminan Modal Kerja akan dikhususkan kepada syarikat *startups*. Untuk menggalakkan pelaburan *startups* berteknologi tinggi, satu kategori pas baru yakni Usahawan Teknologi Asing Berpengetahuan Tinggi akan diperkenalkan. Bagi merancakkan lagi industri kreatif dan penerbitan filem pula, *Film in Malaysia Incentive, Arts and Culture Revitalization Agenda* serta *Hab Content Creation* FINAS di Santubong, Sarawak dan di Kota Kinabalu, Sabah akan dilaksanakan. Kerajaan juga akan mewujudkan satu jawatankuasa yang diwakili oleh para pengamal seni untuk merancakkan lagi sektor kesenian dan kebudayaan negara. Kesemua inisiatif ini melibatkan peruntukan RM80 juta.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya usia dua tahun hingga lima tahun merupakan fasa penting tumbesaran minda dan fizikal kanak-kanak. Justeru, kerajaan akan meneruskan Bantuan Makanan Tambahan dan Geran Per Kapita program tabika dan taska. Kerajaan juga akan menambah baik pakej pemakanan bernutrisi harian yang lebih lengkap merangkumi susu bersukatan 250 mililiter, kismis dan telur. Inisiatif ini memanfaatkan hampir 280,000 orang kanak-kanak dengan peruntukan RM200 juta.

Seterusnya, sebanyak RM132 juta lagi disediakan untuk meningkatkan akses kepada pendidikan pra-sekolah secara percuma di sekolah kerajaan, memanfaatkan 200,000 orang kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, setiap rakyat di negara ini berhak untuk mendapatkan akses pendidikan yang sempurna. Antara inisiatif yang akan dilaksanakan di sekolah rendah dan menengah termasuklah:

- (i) membangunkan semula 120 buah sekolah daif, 60 di Semenanjung, 30 di Sabah dan 30 lagi di Sarawak menggunakan *Industrialised Building System* serta menaiktaraf 1,800 makmal sains dengan peruntukan RM570 juta;
- (ii) menyiapkan pembinaan 227 buah sekolah, termasuk lapan buah sekolah baharu dengan peruntukan RM478 juta; dan
- (iii) memperluaskan program penguasaan Bahasa Inggeris melalui *Cambridge English*, *Dual Language* dan *Highly Immersive* dengan peruntukan RM90 juta.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi berita gembira untuk 430,000 pendidik kita pula menerusi SKMM, RM340 juta diperuntukkan untuk tablet bantuan mengajar bagi memudahkan tugas mereka. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, bagi membantu ibu bapa menampung kos perbelanjaan persekolahan anak-anak, kerajaan akan meneruskan program berikut:

- (i) pemberian bantuan persekolahan RM100 kepada setiap pelajar daripada keluarga berpendapatan sehingga RM3,000 yang memanfaatkan 3.5 juta murid;
- (ii) RM1.1 bilion bagi Bantuan Makanan Asrama untuk 365,000 murid;
- (iii) RM300 juta bagi Rancangan Makanan Tambahan 1Malaysia kepada murid sekolah rendah;
- (iv) RM1.1 bilion merangkumi Bantuan Bayaran Tambahan Persekolahan, Bantuan Buku Teks dan Bantuan Geran Per kapita;
- (v) Geran sepadan disediakan kepada pelajar Tahun 1 di sekolah bantuan penuh Kerajaan bagi simpanan terkumpul sehingga RM50 dalam akaun SSPN-i;
- (vi) menyediakan elaun bulanan Murid Berkeperluan Khas sebanyak RM150 kepada 67,000 murid serta mengganti bas bagi 21 sekolah berpendidikan khas; dan
- (vii) RM600 juta diperuntukkan kepada Tabung Khas Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah. Daripada jumlah tersebut:

- RM250 juta untuk Sekolah Kebangsaan;
- RM50 juta kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina;
- RM50 juta bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil;
- RM50 juta disalurkan untuk Sekolah Mubaligh;
- RM50 juta untuk Sekolah Berasrama Penuh;
- RM50 juta kepada Sekolah Agama Bantuan Kerajaan;
- RM50 juta kepada Sekolah Pondok yang berdaftar; dan
- RM50 juta kepada Maktab Rendah Sains MARA.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan kualiti institusi pengajian tinggi ke taraf global, RM7.4 bilion disediakan kepada 20 universiti awam. Daripada jumlah ini, RM1.4 bilion kepada empat hospital universiti, manakala RM300 juta untuk pemerkasaan lima buah universiti penyelidikan. Tambahan lagi, RM100 juta untuk IPT bagi membudayakan penyelidikan serta meningkatkan bilangan penerbitan dan harta intelek.

Bagi meningkatkan keberkesanan pemberian bantuan pelajar pendidikan tinggi, Kerajaan akan menggantikan baucar buku dengan kad debit pelajar sejumlah RM250, yang boleh digunakan untuk pembelian buku, alat tulis, alatan komputer dan akses internet. Ini akan memanfaatkan seramai 1.3 juta orang pelajar.

Pemberian biasiswa akan diteruskan dengan peruntukan berjumlah RM4.3 bilion pada tahun 2017 termasuk:

- (i) RM1.6 bilion menerusi JPA;
- (ii) RM2 bilion menerusi MARA;
- (iii) RM250 juta menerusi Kementerian Pendidikan Tinggi;
- (iv) RM208 juta menerusi Kementerian Kesihatan;
- (v) RM194 juta menerusi Kementerian Pendidikan;
- (vi) RM28 juta menerusi Kementerian Sumber Manusia; dan
- (vii) RM21 juta menerusi Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi usaha menggalakkan peminjam PTPTN membuat bayaran balik, insentif berikut akan diberikan:

- (i) diskaun 15 peratus atas baki hutang untuk penyelesaian penuh pinjaman;
- (ii) diskaun 10 peratus untuk bayaran sekurang-kurangnya 50 peratus daripada baki hutang dalam sekali bayaran; dan
- (iii) diskaun 10 peratus untuk bayaran balik melalui potongan gaji atau *direct debit* mengikut jadual bayaran balik yang ditetapkan.

Insentif ini berkuat kuasa pada esok bari, 22 Oktober 2016 sehingga Disember 2017.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan terus menumpukan usaha melindungi kumpulan mudah terjejas. Antara inisiatif yang disediakan:

- (i) bantuan kepada keluarga miskin, meliputi Bantuan Am sehingga RM300 sebulan dan Bantuan Kanak-kanak sehingga RM450 sebulan diteruskan, memanfaatkan 69,000 keluarga;
- (ii) RM424 juta disediakan yang akan memanfaatkan 120,000 warga emas, termasuklah bantuan sosio-ekonomi warga emas berjumlah RM300 sebulan sebagai saraan hidup dan program wang saku. Selain itu lapan buah Pusat Aktiviti Warga Emas baru akan ditubuhkan;
- (iii) RM535 untuk memanfaatkan hampir 150,000 Orang Kurang Upaya. OKU merangkumi elaun pekerja, bantuan latihan kanak-kanak OKU serta bantuan OKU tidak berupaya bekerja; dan
- (iv) pelepasan GST kepada OKU berdaftar untuk membeli peralatan bantuan tanpa melalui Entiti Kebajikan Swasta. Skop barangan yang layak mendapat pelepasan juga akan diperluaskan.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya pada kita OKU membawa erti yang lebih besar yakni merekalah 'Orang Berkehebatan Upaya' dan 'Orang Berkeluarbiasaan Upaya' kerana telah mampu membuktikan kejaguan mereka sebagai wira-wira sukan bertaraf dunia. *[Tepuk]*

Maka dengan penuh rasa gembira dijemput bersama-sama kita di sini, empat orang atlet sukan Paralimpik Rio 2016 yang telah berjaya menghadiahkan tiga pingat emas dan satu pingat gangsa. Syabas dan tepukan kepada;

- (i) Saudara Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi;
- (ii) Saudara Muhammad Ziyad Zolkefli;
- (iii) Saudara Abdul Latif Romly; dan
- (iv) Saudari Siti Noor Radiah Ismail.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memandang tinggi peranan golongan pemimpin masyarakat seperti Ketua Kampung dalam usaha membentuk masyarakat Malaysia yang makmur dan harmoni. Maka kerajaan bersetuju menaikkan elaun Ketua Kampung, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dan Persekutuan, termasuk Ketua Kampung-kampung Baru dan Orang Asli dan Toktok Batin daripada RM800 kepada RM900. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, pengangkutan awam merupakan nadi kepada mobiliti rakyat seharian dalam negara menuju kemajuan. Jaringan pengangkutan awam yang lebih cekap, selamat dan selesa sangat dinanti-nantikan oleh rakyat. Lantas seperti dimaklumi projek sambungan jajaran LRT laluan Kelana Jaya dan Ampang telah pun beroperasi pada bulan Jun yang lalu.

Manakala perkhidmatan MRT laluan Sungai Buloh-Kajang akan beroperasi pada Disember 2016 memanfaatkan 1.2 juta pengguna di Lembah Klang.

Kerajaan juga komited untuk menambah baik pengangkutan awam di luar bandar dengan langkah-langkah berikut:

- (i) Pelaksanaan projek rel baharu *East Coast Rail Line*, menghubungkan Lembah Klang ke Pantai Timur sepanjang 600 kilometer yang melalui Port Klang, ITT Gombak, Bentong, Mentakab, Kuantan, Kemaman, Kerteh, Kuala Terengganu, Kota Bharu dan berakhir di Tumpat secara berfasa dengan anggaran kos RM55 bilion;
- (ii) Menggiatkan pelaksanaan Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak;
- (iii) RM100 juta bagi membaik pulih landasan kereta api Pantai Timur jajaran Gua Musang – Tumpat, kerajaan telah memperoleh sembilan set tren sehingga tahun 2019. Sebagai tambahan sebanyak 10 set tren baharu lagi akan diperolehi secara berperingkat sehingga tahun 2019, dengan peruntukan keseluruhan RM1.1 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, saban tahun setiap bajet yang dibentangkan golongan Orang Asli turut bersama menikmati manfaatnya. Pada petang ini kita undang beberapa Tok Batin yang tempat dan kampung mereka telah mendapat manfaat faedah serta manfaat hasil peruntukan bajet-bajet yang lalu. [*Tepuk*]

Mari beri tepukan kepada Tok Batin Awang bin Lijon dari Kampung Orang Asli Jelebu, Negeri Sembilan dan Tok Batin Taha bin Ahir dari Kampung Bukit Bangkong, Sungai Pelek, Sepang, Selangor. [*Tepuk*] Bajet ini selanjutnya memperuntukkan RM222 juta untuk projek bekalan air terawat di 42 perkampungan Orang Asli, program pembangunan ekonomi dan keusahawanan serta Penempatan Semula Perkampungan antaranya di Sungai Ruil, Cameron Highlands, Pahang.

Bagi projek *Native Customary Rights* pula, RM20 juta disediakan untuk pemetaan tanah di Sabah dan RM30 juta di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tetap prihatin terhadap keperluan komuniti Cina dan India. Sehubungan itu RM50 juta bagi pembangunan Kampung Baru Cina, RM50 juta lagi untuk pinjaman PKS melalui KOJADI serta RM20 juta untuk pinjaman mikro

kredit diseliakan oleh *Malaysian Chinese Women Entrepreneurs Foundation*. Seterusnya RM20 juta akan disalurkan kepada Yayasan Penjaja dan Peniaga Kecil 1Malaysia untuk memberi pinjaman kepada penjaja komuniti Cina.

Bagi masyarakat India pula, RM50 juta diperuntukkan bagi program peningkatan kapasiti dan pendapatan serta RM150 juta lagi untuk program pembiayaan perniagaan melalui TEKUN dan Amanah Ikhtiar Malaysia. Bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) kerajaan akan memperluaskan program prasekolah kepada 50 buah sekolah dengan peruntukan RM10 juta. Saya ingin menyatakan bahawa kerajaan amat komited untuk memastikan bahawa masyarakat kaun India akan dapat diarusperdanakan dalam pembangunan negara. *[Tepuk]* Jadi oleh sebab Deepavali sudah hampir tiba, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada kaum India. *[Tepuk]* Mudah-mudahan muruku-muruku disediakan untuk kita semua. *[Dewan ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, menjunjung agenda Bumiputera, pada minggu lepas, saya telah merasmikan sambutan ulang tahun enam dekad institusi keramat Bumiputera UiTM. Ternyata UiTM telah berjaya mencapai objektif penubuhannya dengan melahirkan hampir 700,000 graduan setakat ini hingga ada yang sudah berjaya sebagai ahli akademik, pentadbir-pentadbir, teknokrat dan ahli korporat serta Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, makanya bertolak dari sini, demi terus memperkasa Bumiputera, kerajaan akan perbuat dan peruntukan:

- (i) RM100 juta kepada SME Bank bagi meningkatkan peluang usahawan Bumiputera;
- (ii) RM100 juta kepada Amanah Ikhtiar Malaysia bagi pelbagai program keusahawanan mereka;
- (iii) RM300 juta kepada TEKUN bagi membantu usahawan kecil memajukan perniagaan termasuk skim baharu TEMANITA khusus untuk usahawan mikro wanita.

Tuan Yang di-Pertua, turut dijemput hadir di Parlimen petang ini dua contoh kejayaan hasil inisiatif TEKUN oleh kerajaan. Mari kita beri tepukan kepada Encik Denny Iskandar Bahtiar Afandi yang telah berjaya dalam bidang jahitan pakaian dan keduanya Encik Vijaya – Indran a/l Ganesan yang telah berjaya hasil TEKUN di bidang pembaikan alat-alat elektrik. *[Tepuk]*

- (iv) RM200 juta kepada Perbadanan Usahawan Nasional Berhad bagi melaksanakan Program Pembiayaan Keusahawanan dan Premis Perniagaan;

- (v) RM120 juta kepada MARA bagi pelbagai program keusahawanan antaranya perusahaan industri halal, pembangunan usahawan belia, Program Latihan Bersepadu Keusahawanan;
- (vi) Dana mudah cara berjumlah RM500 juta menerusi TERAJU untuk membantu syarikat-syarikat Bumiputera untuk mengembangkan perniagaan mereka atau memulakan perniagaan baharu;
- (vii) RM100 juta untuk TERAJU bagi Tabung Eksport bagi syarikat-syarikat Bumiputera menembusi pasaran antarabangsa; dan
- (viii) RM100 juta menerusi Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera bagi Program Peneraju Skil dan Iltizam, Peneraju Profesional serta Peneraju Tunas. Bersama kita dalam Dewan Parlimen in dua orang penerima faedah dari Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera ini. Kini, mereka telah berjaya dalam bidang perhotelan yang bertaraf enam bintang dan bidang arkitek. Tahniah dan tepukan kita berikan kepada Cik Denilia dan Encik Syahmi.

Pokoknya, selagi hayat dikandung badan, agenda pemerksaan Melayu serta Bumiputera akan terus kita perjuangkan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini, kita mendengar ada pihak yang membuat tuduhan bahawa Bajet 2017 adalah satu binaan sandiwara kononnya tanpa *substance* dan kerajaan tidak mempunyai wang yang mencukupi. Malah, ada seorang pemimpin pembangkang menyebut pula, "*Malaysia mengharungi ribut ekonomi yang sukar pada tahun ini*". Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya hendak tanya di sini siapa yang bermain sandiwara?

**Beberapa Ahli Pembangkang:** MO1! MO1!

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Siapa yang tiada *substance*?  
[Dewan riuh] [Ahli-ahli pembangkang mengangkat sepanduk bertulis #SiapaMO1?]

Siapa yang jadi bawa masalah kepada negara? Di mana pula timbulnya ribut ini? [Dewan riuh] Tuan Yang di-Pertua, apa yang...

**Tuan Yang di-Pertua:** [Mengetuk tukul] Ahli Yang Berhormat! Ahli Yang Berhormat! Ahli-ahli Yang Berhormat sila duduk. [Dewan riuh]

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat! [Mengetuk tukul] Ahli-ahli Yang Berhormat!

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** ...Adalah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat! *[Dewan riuh]* Ahli-ahli Yang Berhormat! Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat yang sedang berdiri tolong duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat yang berdiri tolong duduk, Ahli Yang Berhormat.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Duduk, duduk. *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat yang berdiri itu tolong duduk. *[Dewan riuh]* Ahli-ahli Yang Berhormat! Ahli-ahli Yang Berhormat yang berdiri itu tolong duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, ini pembentangan bajet. *[Dewan riuh]* Ahli-ahli Yang Berhormat tolong. Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam. Ahli-ahli Yang Berhormat duduk! Duduk Yang Berhormat! *[Dewan riuh]*

*[Beberapa ahli pembangkang meninggalkan Dewan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat duduk! Ahli-ahli Yang Berhormat punya peluang untuk membahar, bukan dengan cara begini. *[Dewan riuh]*  
Sila Yang Amat Berhormat. Sila teruskan.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, saya boleh simpulkan seperti berikut... *[Dewan riuh]* Dengar, dengar ya. Kalau hendak keluar, keluarlah. Tidak mengapa. Hendak keluar, keluar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat! *[Dewan riuh]* Yang Amat Berhormat, sila duduk dahulu. Ahli-ahli Yang Berhormat! *[Mengetuk tukul]* Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pembangkang kalau tidak minat untuk mendengar bajet dengan tabiat begini, sila keluar. *[Dewan riuh]*

*[Ramai ahli pembangkang meninggalkan Dewan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Amat Berhormat. Sila teruskan.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua... *[Tepuk]*  
Saya percaya Tuan Yang di-Pertua, rakyat seluruh negara boleh menilai perangai pembangkang.

*[Ahli-ahli kerajaan tepuk]*

Namun saya mengucapkan terima kasih yang masih ada dalam Dewan lagi. *[Tepuk]* Jadi dengar ya.

*Ribut-ribut di Kubang Pasu;*

*Angin sepoi dari Pekan;*

*Demi negara Barisan Nasional Bersatu;*

*Kepentingan rakyat kita utamakan.*

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kerajaan amat menghargai sumbangan perusahaan kecil dan sederhana di dalam menjana pertumbuhan ekonomi dan

pekerjaan di negara ini. Bahkan, 97 peratus daripada kesemua perniagaan di negara ini adalah dari sektor PKS. Perniagaan-perniagaan ini juga menyumbangkan 36 peratus dari KDNK negara pada tahun lepas, 65 peratus dari kesemua pekerjaan dan 18 peratus dari eksport negara. Jadinya, kerajaan yakin sektor PKS mempunyai keupayaan untuk melonjak ke hadapan supaya dapat meningkatkan lagi sumbangan mereka kepada ekonomi negara.

Untuk Bajet 2017 ini, saya mahu mengumumkan beberapa perkara yang gembira dan sangat mustahak lagi berimpak besar kepada syarikat-syarikat termasuk PKS. Sila dengarkan baik-baik. Bagi menghargai pencapaian syarikat-syarikat yang berjaya meningkatkan pendapatan mereka, kerajaan telah mengambil keputusan untuk mengadakan satu skim baru khusus bagi tahun taksiran 2017 dan 2018. Skim ini akan memberi pengurangan kadar cukai berperingkat berdasarkan kepada peratus kenaikan pendapatan berbanding tahun taksiran sebelumnya. Kadar pengurangan cukai pendapatan ini adalah seperti berikut:

- (i) peratus kenaikan pendapatan bercukai antara lima dan bawah sepuluh peratus sebanyak satu mata peratusan;
- (ii) peratus kenaikan pendapatan bercukai antara 10 dan bawah 15 peratus sebanyak dua mata peratusan;
- (iii) peratus kenaikan pendapatan bercukai antara 15 dan bawah 20 peratus sebanyak tiga mata peratusan; dan
- (iv) peratus kenaikan pendapatan bercukai 20 peratus sebanyak empat mata peratusan.

Sebagai contoh, sekiranya pendapatan bercukai syarikat bagi tahun taksiran 2016 adalah sebanyak RM10 juta, dan meningkat kepada RM12 juta pada tahun 2017 maka jumlah cukai yang dikenakan pada RM10 juta pertama adalah sebanyak 24 peratus, bersamaan RM2.4 juta. Manakala, beza pendapatan RM2 juta pada tahun 2017 pula dikenakan cukai sebanyak 20 peratus, bersamaan RM400,000. Ini bermakna, kadar cukai efektif adalah 23.3 peratus dan jumlah cukai yang perlu dibayar adalah RM2.8 juta dengan penjimatan sebanyak RM80,000.

Selain daripada itu, bagi semua PKS pula kadar cukai bagi pendapatan bercukai sehingga RM500,000 pertama akan dikurangkan daripada 19 peratus kepada 18 peratus bermula tahun taksiran 2017.

Juga, bagi merencanakan program pembangunan vendor tempatan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, galakan potongan cukai dua kali ke atas perbelanjaan operasi yang ditanggung oleh syarikat induk akan dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020.

Tuan Yang di-Pertua, beriring-iring dengan perpaduan, kerajaan ini tidak akan pernah berkompromi dengan keselamatan dan ketenteraman awam. Sesungguhnya jasa para perajurit negara sentiasa kekal disanjung tinggi. Ini termasuklah pengorbanan mereka mempertahankan negara ketika darurat.

Bersama-sama kita juga pada petang berbahagia ini, wakil-wakil para veteran, pasukan perajurit juga anggota keselamatan yang merupakan wira-wira bangsa dalam mempertahankan kedaulatan pertiwi. Nampaknya hanya Abang Bomba sahaja yang tidak ada. *[Dewan ketawa]* Drama ya.

Sesungguhnya jasa mereka tidak terbayar dengan wang ringgit dan tidak ternilai dengan pangkat darjat. Saya difahamkan bahawa hadir dan berada di galeri atas sana adalah wakil-wakil daripada Angkatan Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara serta Polis Diraja Malaysia yang pernah berkhidmat semasa tragedi di Lahad Datu. *[Tepuk]* Sama-sama kita beri semangat dan tepukan patriotik. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, maka sukacitanya diumumkan kerajaan akan memberi Bayaran Insentif Khas Insurgensi kepada veteran ATM sejumlah RM55 juta yang masih belum menerima insentif khas ini.

Ini bagi membolehkan veteran yang hilang upaya ketika dalam perkhidmatan dapat menerima insentif tersebut. Sebagai contoh, seorang koperal mengalami hilang upaya sebanyak 80 peratus semasa berkhidmat layak menerima bayaran Insentif Pukul sehingga RM34,000 dan bayaran Insentif Bulanan sehingga RM590 bergantung kepada kaedah pengiraan semasa. Ini merupakan insentif baharu selain daripada Pencen Hilang Upaya sedia ada.

MinDef pula diperuntukkan RM15.1 bilion antaranya RM1.8 bilion untuk menyelenggarakan aset-aset utama seperti pesawat, kapal peronda, peralatan komunikasi, bangunan dan senjata. ATM juga diperengkap dengan perolehan kapal rondaan dan kenderaan berperisai 8 x 8. Di samping itu, RM1.3 bilion diperuntukkan antaranya untuk telekomunikasi, rangsum dan perolehan pakaian seragam. Bagi meningkatkan keberkesanan operasi ESSZONE, RM323 juta diperuntukkan untuk penugasan anggota di sempadan kawasan Timur Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu kerajaan akan mewujudkan *Sea Basing* di perairan Pantai Timur Sabah dan Pangkalan Operasi Hadapan Helikopter. Seterusnya, menempatkan kenderaan Perisai AV8 GEMPITA 8x8 dan kenderaan perisai 4x4 di Lahad Datu serta penempatan skuadron pesawat pejuang Hawk dan helikopter Eurocopter EC-725 di Pangkalan Udara Labuan.

Angkatan Tentera juga akan melaksanakan Program Jiwa Murni, dengan peruntukan RM114 juta bagi membina dan menaik taraf jalan di pedalaman Sarawak.

Di samping itu, perkhidmatan Feri Sekolah Angkatan Tentera juga diteruskan melibatkan 15,000 anak-anak anggota ATM seluruh negara.

Manakala Kementerian Dalam Negeri diperuntukkan RM12.8 bilion termasuk RM8.7 bilion kepada Polis Diraja Malaysia. Antara projek utama adalah membina 12 ibu pejabat polis daerah, pusat latihan Komando 69 dan perolehan kenderaan serta kelengkapan. Selain itu, RM60 juta disediakan bagi meningkatkan keberkesanan usaha mencegah jenayah di bandar termasuk *omnipresence* dan Unit Rondaan Bermotosikal.

Kerajaan juga mengiktiraf peranan anggota RELA dalam memelihara keharmonian masyarakat. Untuk ini, RM80 juta diperuntukkan bagi membekalkan pakaian seragam kepada lebih 200,000 orang anggota RELA. *[Tepuk]* Dua wakil mereka ada bersama kita. Sila kita beri tepukan meriah kepada wakil anggota RELA yang banyak berjasa. *[Tepuk]*

Bagi memastikan kawasan kejiranan berada dalam selamat dan tenteram, RM40 juta diperuntukkan untuk melaksanakan semula Geran Persatuan Penduduk kepada persatuan yang berdaftar. Geran sehingga RM10,000 bagi membiayai peralatan kawasan keselamatan, pembersihan dan penyelenggaraan kawasan kejiranan.

Tuan Yang di-Pertua, wanita sentiasa menjadi inspirasi dan tulang belakang kepada pembangunan negara. Sejak zaman dahulukala pun, para pahlawan dan pendekar bukan sahaja terdiri daripada kaum lelaki tetapi juga kaum Hawa. Beberapa hari lepas, saya telah bertemu dengan seorang pejuang wanita. Beliau adalah wakil tunggal yang menjadi perlambangan wanita Malaysia yang berhati waja, berani dan kuat semangat. Bersama rakan-rakan, beliau membuat misi kemanusiaan ke Palestin sehingga ditahan oleh regim Israel. Namun *alhamdulillah*, telah kembali ke tanah air dengan selamat. Ayuhlah, kita berikan sambutan semangat dan tepukan kepada Dr. Fauziah Hassan. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan ehwal wanita dan mengarusperdanakan peranan mereka dalam pembangunan negara, sebanyak RM2 bilion disediakan untuk program-program seperti I-KIT, I-KeuNita dan program *Women Career Comeback*. Kerajaan juga menyediakan RM30 juta untuk kaum wanita menjalani pemeriksaan *mamogram* dan mendapat suntikan imunisasi HPV secara percuma untuk mencegah kanser.

Bercakap tentang kejayaan dan kehebatan golongan wanita lagi, marilah kita memberi tepuk tahniah kepada Cik Lam Shu Jie... *[Tepuk]* ...yang telah berjaya dalam penyelidikan *Structurally Nano-Engineered Anti-Microbial Peptide Polymers* (SNAPPs)

di peringkat global. Saya difahamkan sedang menuntut di salah sebuah universiti di Australia.

Sebagai sokongan kepada wanita berkerjaya yang masih menyusukan anak, kerajaan akan memperkenalkan pelepasan cukai baharu sehingga RM1,000 bagi pembelian peralatan penyusuan bayi. Pelepasan ini diberi setiap dua tahun sekali, mulai tahun taksiran 2017. Seterusnya bagi meringankan beban ibu bapa yang bekerja, pelepasan cukai sehingga RM1,000 diberikan kepada pembayar cukai individu yang menghantar anak berumur 6 tahun dan ke bawah ke taman asuhan dan prasekolah berdaftar, mulai tahun cukai taksiran 2017. Kerajaan menganggarkan 40,000 individu akan mendapat manfaat daripada pelepasan cukai ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara Islam yang wasatiyyah, berasaskan fahaman Ahli Sunah wal Jamaah, kerajaan dari masa ke semasa akan terus memperkembangkan syiar Islam di landasan betul. Seraya itu, kerajaan menolak sekeras-kerasnya sebarang fahaman yang terlalu liberal mahupun terlalu ekstrem. Di sudut ini, peranan para agamawan, khususnya golongan Imam serta Ahli Jawatankuasa masjid dan surau-surau dipandang serius oleh pihak kerajaan terutamanya kebajikan mereka. Makanya, pada hari ini kita berbesar hati untuk menjemput beberapa imam dan bilal yang berjasa sejak sekian lama di surau-surau dan masjid-masjid seluruh negara.

Silalah kita mendongak ke galeri dan skrin... [*Tepuk*] ...wajah-wajah antara ribuan imam, bilal dan siak yang telah berjasa mengimarahkan masjid dan surau dalam ibadah jemaah. Berilah tepukan penghargaan kepada mereka. [*Tepuk*] Seiring dengan itu, dengan rasa tawaduknya, berasa bersyukur kerana imam-imam ini adalah antara 4,611 jemaah yang telah dibiayai untuk mengerjakan ibadah haji oleh GLC. Berkait ini, kerajaan telah membuat keputusan untuk menaikkan elaun Imam, di bawah JAKIM daripada RM750 kepada RM850 sebulan. Ini memanfaatkan hampir 15,000 imam di seluruh negara.

Manakala sebanyak RM500 akan diberikan secara *one-off* kepada hampir 16,000 Bilal dan Siak di seluruh tanah air, sebagai menghargai jasa mereka mengurus tadbir masjid. Sukacitanya kerajaan mengumumkan elaun guru KAFA juga akan dinaikkan daripada RM800 kepada RM900 sebulan sekali gus memanfaatkan hampir 33,000 guru.

Kerajaan menyedari permintaan yang tinggi oleh masyarakat terhadap pendidikan tahfiz. Oleh itu buat pertama kalinya kerajaan memperuntukkan RM30 juta bagi menyelaraskan pendidikan tahfiz melalui Dasar Pendidikan Tahfiz Negara.

Sekalung tahniah, mari kita beri tepukan kepada wakil guru-guru KAFA dan anak-anak Tahfiz tajaan kerajaan. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, ramai cendekiawan dan pejuang kemanusiaan dunia seperti Mahatma Ghandi menyarankan bahawa, *“If you want to reach real peace in this world, we should start educating the children.”* Pada Jumaat penuh barakah ini, dibawakan sebahagian anak-anak masuk ke Dewan Parlimen sebagai memberi pengalaman kepada mereka, selaku pewaris bangsa. Anak-anak kita ini, adalah daripada kelas-kelas pendidikan awal KEMAS, TABIKA, TASKA dan PERMATA. Bagi menghargai khidmat jasa para pembantu KEMAS, elaun mereka akan dinaikkan daripada RM400 kepada RM500 melibatkan hampir 11,000 orang. *[Tepuk]* Turut hadir dua wakil pembantu KEMAS dan silalah beri tepukan kepada mereka. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, bersama-sama kita pada petang ini juga, anak-anak PERMATA dan KEMAS yang merupakan pewaris masa depan negara. Sebanyak RM85 juta akan diperuntukkan bagi program PERMATA yang melibatkan 50,000 kanak-kanak, antaranya untuk menubuhkan Pusat Kecemerlangan *Top STEM Talents* di Akademi Sains Malaysia. Selain itu, Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar di Negeri Sembilan dan Kampus Tuanku Bainun di Pulau Pinang akan diubahsuai menjadi pusat PERMATA Pintar dan Berbakat.

Tuan Yang di-Pertua, ingin disampaikan satu lagi khabar penting, kerajaan akan mengambil langkah positif untuk meminta Akta Kebankrapan 1967 mulai awal tahun hadapan, berkait mereka yang telah diisytiharkan bankrap, terutamanya ‘penjamin sosial’ misalannya penjamin biasiswa dan antaranya lagi, mereka yang mengidap penyakit kronik setelah disahkan oleh hospital kerajaan, juga mereka yang telah berumur. Perinciannya sedang dilakukan dan butiran lanjut akan diumumkan dalam sedikit masa lagi.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah sekian banyaknya prakarsa, inisiatif, peruntukan dan ikhtiar murni kerajaan Barisan Nasional dalam simfoni Bajet 2017 ini untuk rakyat, kerana rakyat. Sebagai bajet yang sangat komited dan tidak mementingkan kepopularan politik, sebaliknya demi memastikan kedudukan asas ekonomi negara kekal berdaya tahan dan kuat, termasuk dasar tentang sasaran defisit, aktiviti ekonomi yang telah dirangsang, dan kesihatan jangka panjang sistem kewangan Malaysia.

Sesungguhnya, Kerajaan Barisan Nasional adalah Kerajaan anak jantan. Kita tidak akan sesekali lari dari masalah. Kita tidak akan pernah belot dan takut kecundang, lari dari medan perjuangan.

Tuan Yang di-Pertua, *to us*, Barisan Nasional dengan izin, *failure is not an option and success is what we strive for*.

Lantas, sukacitanya saya mengumumkan, sebaik sahaja bajet ini selesai, pihak kerajaan akan melancarkan siri dialog nasional atau *national discourse* bagi memeta hala tuju negara di atas sebuah kanvas yang baharu. Kalau lembayung gagasan negara yang saya perkenalkan sejak 2010 adalah, Dasar Transformasi Nasional atau DTN, maka wacana nasional ini pula saya namakan sebagai, Transformasi Nasional 2050 dan sesudah ini dijenamakan sebagai TN50.

Kalau Dasar Ekonomi Baru dulu, Allahyarham Tun Razak merencanakan untuk menyediakan generasi baharu yang berjaya dalam tempoh 30 tahun, begitulah TN50 ini akan menjangkau tiga dekad proses dan gerak kerjanya, bagi membentuk satu negara bangsa yang benar-benar berwibawa serta berminda *par excellence*.

TN50 akan dimula-gerakkan dengan generasi muda pelbagai bangsa melalui wacana-wacana nasional atau *national discourse* seperti diputuskan oleh Kabinet, akan dikendalikan oleh Kementerian Belia dan Sukan serta pastinya akan dinaungi dan dipayungi oleh saya sendiri selaku Perdana Menteri. Biarlah TN50 ini menjadi saksi dan berkalamlah tawarikh bahawa, kita adalah bapa-bapa atau nenek moyang yang bertanggungjawab, mahu mewariskan yang terbaik dan terhebat, diperturunkan kepada generasi hari muka. TN50, inilah azimat kita mulai kini. Biarlah legasi lama berlalu pergi. Harapan masa depan Malaysia kita baharui.

Tuan Yang di-Pertua, dari itu, walau kita terus diperhadapkan dengan beribu aral yang melintang tapi kita terima dengan jiwa yang besar dan roh bangsa merdeka. Oleh itu, wahai rakan-rakan dalam Barisan Nasional, ayuhlah, kita rapatkan saf, kita satukan pemikiran, kita perkukuhkan pasukan kita. Sekali gus di kesempatan ini, saya mahu merakamkan rasa penghargaan yang tinggi kepada timbalan saya, yakni Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, atas kesetiaan saudara yang tidak berbelah bahagi.

Begitu juga ketaatan yang diberikan kepada saya oleh anggota-anggota Jemaah Menteri,... [*Tepuk*] ...pimpinan-pimpinan parti komponen dan tentunya juga kepada para penjawat awam, kepada negara selama puluhan tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, kepada penjawat awam, saya tahu tak tidur malam jika perkara ini tidak diumumkan. [*Dewan ketawa*] Bagai pucuk dicita, khabar gembira sudah pun mdatang. Sebagai penghargaan atas khidmat terpuji para penjawat awam, sukacitanya saya mengumumkan bayaran khas sebanyak RM500 kepada semua penjawat awam, manakala RM250 kepada para pesara kerajaan. Bayaran ini akan diberi pada awal Januari 2017.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah hati kita luluh dan kalbu kita hancur menahan luka, asalkan masyarakat mendapat untung dan labanya. Biarlah bahu-bahu kita yang menanggung caci dan cerca, asalkan rakyat tetap dibela. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, jika dimadah orang dahulukala, Raja dan rakyat berpisah tiada, begitulah juga kerajaan dan rakyat juga sehati sejiwa. *[Tepuk]* Justeru, saya ingin saya nyatakan betapa kasihnya kerajaan ini untuk melihat rakyat bahagia dan sentosa. Seperti dipujangga dalam gurindam jiwa, *hendak mati di hujung kuku, hendak berkubur di tapak tangan.*

Tuan Yang di-Pertua, akhir kalam, Kerajaan Barisan Nasional dengan izin Allah jua, yakin dan percaya bahawa angin kemenangan besar Pilihan Raya Negeri Sarawak, yang telah berpuput-puput bayunya ke Pilihan Raya Kecil di Sungai Besar dan Kuala Kangsar. *[Tepuk]* Akan mula meniup obor perjuangan yang kami yakin dan percaya, hari demi hari, *Insya-Allah*, dengan kehendak Yang Maha Berkuasa, akan membawa pula kemenangan besar di Pilihan Raya Umum ke-14 nanti, *Insya-Allah*.

Lalu, sudah menjadi adat orang berjuang, sekali layar sudah dikembang, sekali bahtera sedang berkemudi, pabila genderang ditabuh-tabuhkan, apa pun badai datang menghentam, pantang pendekar berbalik pulang! *[Tepuk]* Mudah-mudahan Allah Taala melimpah kurnia serta mencucuri rahmatnya kepada Malaysia dan rakyatnya, dunia akhirat, zahir dan batin.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. *[Tepukan gemuruh]*  
*Wabillahi taufik wal hidayah, Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada Ahli Yang Berhormat yang menyokong?

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 2017

**Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak]:** Tun Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa usul di atas nama saya di dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi;

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh lapan bilion ringgit (RM48,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2017, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2017, yang

dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 Tahun 2016, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang berseentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.”

Diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

**Timbalan Perdana Menteri [Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Yang di-Pertua, kami semua mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Terima kasih. Sila Ahli Yang terhormat duduk, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang terhormat, saya lebih kurang sembilan tahun memegang jawatan ini dan kerap kali saya kecewa berhubung dengan tabiat yang ditunjukkan oleh sebilangan Ahli Yang Berhormat. Akan tetapi pada hari ini benar-benar saya amat kecewa. Jadi kekecewaan ini adalah disandarkan kepada Peraturan Mesyuarat 41, elok saya baca. Peraturan Mesyuarat 41(1) mengatakan bahawa “*Masa mesyuarat bersidang; (e) masa seseorang ahli itu bercakap, semua ahli-ahli lain hendaklah diam dan tidak boleh mengganggu dengan cara kurang adab.*” Dalam erti kata lain biadap. Jadi apa yang saya nampak sebentar tadi walaupun kita ditonton oleh lebih kurang 29 juta, sebilangan banyak Ahli Yang Berhormat yang selama ini menunjukkan bahawa pihak mereka sahaja yang benar dan jujur, telah menampakkan satu kebiadapan, saya amat kecewa. *[Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 66(3), perbahasan di atas usul-usul bagi bacaan kali yang kedua atas Rang Undang-undang Perbekalan 2017 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2017 hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh tidak kurang daripada dua hari setelah usul-usul tersebut dicadangkan dan disokong. Dengan demikian, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 24 Oktober 2016. Terima kasih.

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 6.30 petang]***